



## KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**3 APRIL 2017**

---

### **PELANTIKAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN SIRIM YANG BARU**

---

Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani, telah dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM yang baru untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa 1 April 2017.

Berusia 57 tahun, beliau yang sebelum ini adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) di Universiti Teknologi Petronas (UTP), dilantik menggantikan Dato' Dr. Zainal Abidin Mohd Yusof yang telah tamat tempoh perkhidmatan.

Pelantikan dibuat oleh Menteri Kewangan Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak melalui satu surat pelantikan yang turut menyatakan keyakinan bahawa Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil akan dapat memikul tanggungjawab dan menerajui SIRIM Berhad ke tahap yang lebih cemerlang.

Dilahirkan di Temerloh, Pahang, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kelas Pertama) dari University of Essex, UK dalam bidang Kejuruteraan Elektronik pada 1983, seterusnya memperoleh Sarjana Sains dalam Telematik (1984) dan Doktor Falsafah dalam Pemprosesan Imej pada 1991 daripada universiti yang sama.

Beliau juga pernah berkhidmat dengan Universiti Sains Malaysia pada 1984 sebelum menyertai UTP pada 1997. Seorang pensyarah kursus Isyarat & Sistem (*Signal & Systems*) dan Pemprosesan Isyarat Digital (*Digital Signal Processing*), Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil juga adalah pakar dalam bidang pemprosesan imej dan visi komputer (*image processing and computer vision*). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar dalam Teknologi Perbatasan di PETRONAS Research (2008-2010) sebelum pulang ke UTP sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik) dari 2010 ke 2016.

Beliau adalah Felo Akademi Sains Malaysia dan Institut Jurutera Malaysia, seorang jurutera berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan ahli kanan Institution of Electrical & Electronic Engineers Inc. Dalam industri, beliau adalah ahli lembaga pengarah bagi syarikat senaraian awam ViTrox Corporation Bhd. dan Prince Court Medical Centre, Kuala Lumpur.

Saya percaya, dengan gabungan kepakaran dan pengalaman luas Prof Ir. Dr. Ahmad Fadzil serta Pengurus SIRIM Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, SIRIM akan terus menerajui usaha penyelidikan dan teknologi perindustrian negara dalam mempersiapkan industri tempatan untuk menghadapi cabaran melonjakkan negara ke arah ‘ekonomi baru yang dipacu teknologi’ berdasarkan kepada idea-idea progresif Industrie 4.0.

Bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dato’ Dr. Zainal Abidin atas khidmat cemerlang beliau sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM sejak 1 Februari 2012.

## **Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**

---

### **Mengenai SIRIM Berhad**

Sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, SIRIM Berhad adalah organisasi Penyelidikan dan Teknologi Perindustrian yang utama di negara ini. SIRIM Berhad juga adalah peneraju Kualiti dan telah menerima pengiktirafan antarabangsa bagi Standard dan Penilaian Pematuhan, selaras dengan misinya untuk “menjadi penyedia penyelesaian menyeluruh dalam inovasi kualiti dan teknologi.” [www.sirim.my](http://www.sirim.my)

### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, +603 8885 8141

Ruhil Amani Zainal Abidin, [ruhil@sirim.my](mailto:ruhil@sirim.my) . +603 5544 6770